



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**21 DISEMBER 2018 (JUMAAT)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |                                       |    |
|---------------------------------------|----|
| - MPAJ giat laksana pembangunan kebun | 33 |
|---------------------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
21 DISEMBER 2018 (JUMAAT)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	MPAJ giat laksana pembangunan kebun
Muka Surat	33



Abd Hamid (dua kanan) Adun Pandan Indah Izham Hashim bersama KRT terlibat.

SH 21/12/18 N/S 33

## **MPAJ giat laksana pembangunan kebun**

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah menganjurkan pertandingan Kejiranan Terbaik yang bertemakan 'Ampang Jaya Ke Arah Bandar Rendah Karbon'.

Yang Dipertua MPAJ, Datuk Abd Hamid Hussain, sebanyak 14 komuniti yang terdiri daripada persatuan penduduk, KRT dan Badan Pengurusan Bersama menyertai pertandingan tersebut.

"Johan membawa pulang RM5,000 beserta sijil dan piala iringan," katanya.

Abd Hamid berkata, MPAJ telah giat melaksanakan inisiatif pembangunan kebun kejiranan ini sejak 2015.

"Sehingga kini terdapat sebanyak 21 lokasi kebun yang diusahakan sendiri oleh komuniti dan sekolah," katanya.

Beliau berkata, MPAJ telah menyertai pertandingan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau yang dianjurkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

"Kita telah memenangi tiga daripada lima kategori iaitu tempat pertama bagi penyediaan laluan pejalan kaki berbunga, laluan basikal dan pembangunan kebun kejiranan," katanya.

Menurutnya, MPAJ sangat komited dalam melaksanakan pelbagai program kemasyarakatan.

"Pada tahun ini melalui Jabatan Belia Masyarakat dan Landskap, sebanyak 98 program telah dilaksanakan sepanjang tahun dengan jumlah pembelanjaan sebanyak RM1.4 juta," katanya.